

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI PERAK  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,  
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI  
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**22 JULAI 2019  
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN  
IPOH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu**

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

**Yang Berhormat Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

**Yang Berbahagia Dato' Muhammad bin Idris**

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral)  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**Yang Berhormat Dato' Rohana binti Abd. Malek**

Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

**Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Said**

Pegawai Kewangan Negeri Perak

Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Datuk Bandar Ipoh ke Negeri Perak. Itu tanda kasih saya kepada Menteri Besar, saya hantar pegawai kanan Selangor ke Negeri Perak.

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama pada pagi ini melakar masa depan ekonomi baharu dalam sesi libat urus ataupun *engagement* ataupun temu tembung Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Perak.
2. Wacana pagi ini bagi saya amat penting untuk kita secara kolektif di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan membincangkan bagaimana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat bersama-sama membangunkan negeri dan menjamin kemakmuran buat semua rakyat Negeri Perak melalui prinsip *distributive justice* ataupun pengagihan yang adil.

3. Saya akan terus mendukung dan mempertahankan kepimpinan YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Besar Negeri Perak dan pentadbirannya untuk menjamin kestabilan dan keutuhan Kerajaan Negeri. *Political stability* ataupun kestabilan politik ini amat penting untuk menarik lebih banyak pelaburan yang bernilai tinggi ke Negeri Perak yang akan mewujudkan pekerjaan dan mencipta nilai dalam ekonomi negeri.
4. Saya yakin sebagai sebuah pentadbiran yang peduli rakyat, YAB Dato' Seri Menteri Besar dan keseluruhan pentadbiran Kerajaan Negeri akan terus memberikan keutamaan kepada usaha untuk menunaikan harapan rakyat Perak melalui pembangunan yang berkualiti yang akan mensejahterakan rakyat.
5. Hari ini merupakan langkah yang pertama ataupun *first step* libat urus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Perak dalam menggubal RMKe-12 yang merangkumi 2021 hingga 2025 untuk menjamin pembangunan sosioekonomi yang mampan dan saksama. Jadi ini hanya libat urus ataupun temu tembung atau *engagement* bukan kelulusan. Jadi saya cadang supaya YAB Dato' Menteri

Besar dapat dipermudahkan untuk menunaikan ibadah haji, mendapat haji yang mabrur, perbanyakkan doa di Multazam supaya lembutkan hati MEA dapat meluluskan lebih banyak peruntukan InsyaAllah.

6. Namun kalau kita lihat kepada statistik, peruntukan pembangunan DE yang diluluskan kepada Kerajaan Negeri Perak dan rakyat Perak pada tahun 2019 meningkat sebanyak 77.4% kalau dibandingkan pada tahun 2018 hanya RM1.45 bilion tetapi pada tahun 2019 oleh kerana kekanda berada di sini, kita tingkatkan kepada RM2.57 bilion.
7. YAB Dato' Seri Menteri Besar dan Ketua-Ketua Jabatan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei yang lalu telah mencerakinkan satu wawasan baharu, iaitu Gagasan Kemakmuran Bersama sebagai iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan dan inklusif.

8. Tiga objektif utama Gagasan Kemakmuran Bersama yang menjadi teras kepada RMKe-12 adalah:
- a. Pertama merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasa untuk menangani ketidaksamaan. Prinsip ini bertujuan untuk memastikan tumpuan pembangunan bukan sahaja di Lembah Klang ataupun di negeri-negeri yang sudah maju tetapi kita mahu memastikan ketidaksamaan pembangunan ini ditangani dalam RMKe-12 dan pembangunan harus dibawa masuk ke wilayah-wilayah yang lain termasuk di Negeri Perak.
  - b. Kedua, membangunkan sebuah ekonomi yang terstruktur semula, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi melalui penyertaan masyarakat yang menyeluruh di seluruh negara.
  - c. Dan yang ketiga membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

9. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengenalpasti 15 Bidang Pertumbuhan Utama Ekonomi yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan. Negeri Perak berpotensi untuk meningkatkan usaha sektor Ekonomi Digital, pelancongan, teknologi baru dan pertanian pintar.
10. Melalui bidang-bidang pertumbuhan utama ini, Kerajaan dapat menumpukan usaha menarik pelaburan serta membangunkan ekosistem dan rantai nilai dalam memacu ekonomi ke hadapan.
11. Demi menangani masalah “*net out migration*” dan kadar pengangguran yang tinggi, beberapa projek strategik dan berimpak tinggi di Negeri Perak telah dikenalpasti oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi mencipta peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi serta peluang keusahawanan yang dapat meningkatkan pendapatan isi rumah dan menjana pembangunan yang pesat.
12. Penguasaan industri Ekonomi Digital mempunyai potensi untuk mewujudkan ekosistem yang menyokong

perkembangan industri menjangkau sempadan pasaran tempatan.

13. Pada Mei 2019, NCIA telah menandatangani memorandum persefahaman bersama 5 syarikat antarabangsa untuk mengembangkan syarikat perkhidmatan *Global Business Services* (GBS) di Ipoh, yang akan menarik pelaburan berjumlah RM486 juta dan mencipta 1,500 peluang pekerjaan. Susulan daripada MoU itu, terdapat FDI tambahan berjumlah RM100 juta dalam perancangan dengan potensi mencipta 750 peluang pekerjaan.
14. Impak pembangunan Perak Hi-Tech Industrial Parks (PHTIP) sebagai Taman Industri Berteknologi di Wilayah Koridor Utara yang menelan kos RM142 juta akan menjana nilai tambah ekonomi sebanyak RM4.4 bilion dan mencipta 16,000 peluang pekerjaan.
15. Selain daripada itu, industri automotif negara adalah penting bagi rakyat Malaysia khususnya generasi muda untuk menguasai teknologi kejuruteraan. Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Kerajaan sedang melihat keperluan untuk mewujudkan projek kereta nasional

yang ketiga namun ianya bukan bertujuan untuk mengeluarkan kenderaan itu tetapi mengembangkan teknologi kejuruteraan ataupun *precision engineering* di kalangan anak-anak kita. Dalam pada ini, sinergi perlu diwujudkan antara industri automotif di Tanjung Malim dan di Serendah, Sungai Choh dan juga Bukit Beruntung.

16. Usaha ini mempunyai potensi membina satu kluster ekonomi automotif di Negeri Perak dan Selangor yang merangkumi Wilayah Perak Selatan dan Utara Selangor. Industri automotif di Malaysia dijangka mencecah nilai eksport komponen kenderaan sebanyak RM15 bilion pada tahun 2020.
17. Dari aspek alam sekitar pula, Lembangan Sungai Bernam yang melibatkan Selangor dan Perak merupakan tадahan air utama bagi penduduk di kedua-dua negeri. Oleh itu, beberapa isu berkaitan kualiti dan kuantiti air Sungai Bernam antara kedua-dua negeri boleh diselesaikan secara *win-win* dengan mewujudkan perundangan berkaitan pengurusan sumber air yang seragam di seluruh negara.

18. Ledakan teknologi Revolusi Industri Ke-4 ataupun IR 4.0 telah membuka peluang kepada sektor pertanian untuk menggarap teknologi baru seperti *artificial intelligence, drone, machine learning, robotic* dan analisis *Big Data*.
19. Sektor Pertanian Pintar ini meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tuaian tanaman dan juga meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh. Pendekatan yang baru melibatkan teknologi baharu perlu diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti aktiviti pertanian padi bagi menjamin sumber makanan negara.
20. NCIA telah mencadangkan agar polisi pertanian Negeri Perak diselaraskan dengan Dasar AgroMakanan Negara 2.0 dan juga telah memutuskan pelaksanaan Program *Estate Management Model* (EMM) di Kerian untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan memperkenalkan teknologi tinggi.
21. YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah memperkenalkan model baharu pengurusan Industri Perladangan Negara khususnya yang melibatkan FELDA, FELCRA dan juga

RISDA dalam ucapan beliau di Muazam Shah, Pahang. Di mana YAB Perdana Menteri telah menyatakan dan berkongsi pandangan bahawa model pengurusan ladang ini harus dilihat semula kerana ladang-ladang yang wujud di negara kita ini berdasarkan dasar sebelum ini merupakan ladang-ladang yang kecil dan tidak ada *economies of scale*.

22. Maka beliau mencadangkan supaya Kerajaan melihat semula model ini di mana ladang-ladang ini digabungkan ataupun kita *amalgamate* ladang-ladang ini menjadi satu estet yang besar yang dapat diuruskan dengan *professional planters* dan juga pengurusan yang profesional dan memastikan projek tanam semula khususnya dalam industri kelapa sawit ini dapat dikaji dan tidak ditanam semula di keseluruhan kawasan yang berkenaan, tetapi sebahagiannya kita harus meyakinkan peneroka-peneroka dan peserta untuk menanam *crop* yang lain yang dapat memberikan hasil yang lebih cepat dan yang lebih tinggi. Ini akan membantu supaya peneroka dan peserta tidak terlalu bergantung kepada hasil kelapa sawit di mana harga komoditi hari ini tidak menentu dan dalam keadaan harga komoditi yang merundum mereka boleh mendapatkan hasil

daripada pendapatan daripada tanaman-tanaman *crop* yang lain.

23. Petang ini saya akan ke Seberang Perak untuk melihat pengurusan FELCRA di sana dan perkara ini juga akan dibincangkan dan kita telahpun menyediakan sejumlah peruntukan yang besar iaitu RM6.23 bilion untuk FELDA bagi melihat pengurusan FELDA ini dapat dikembalikan ke tahap yang lebih cemerlang.
24. Untuk meningkatkan lagi kesalinghubungan ataupun *connectivity* di utara Perak, selatan Kedah dan Pulau Pinang, Lebuhraya Northern Corridor Highway (NCH) untuk fasa kedua yang akan menghubungkan Changkat Jering dan Bandar Baharu akan dirancang yang juga akan munghubungkan Negeri Selangor menerusi Lebuhraya Pantai Barat. Fasa ini dijangka menelan kos sebanyak RM520 juta.
25. Saya amat tertarik melihat pengesahan yang dibuat oleh YB Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin dalam Sidang Dewan baru-baru ini, di mana Kerajaan Negeri Perak mencatatkan sejumlah RM1.886 bilion pelaburan dalam

sektor pembuatan pada tahun yang lalu. Ini membuktikan Kerajaan Negeri Perak terus mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memastikan pelaburan negeri ini dapat dipertingkatkan dan pastinya ianya dapat mewujudkan pekerjaan-pekerjaan bagi rakyat di Negeri Perak.

26. Saya juga ingin menarik perhatian Ketua-Ketua Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri bahawa *trade war* di antara Amerika Syarikat dan China sudah tentulah memberikan kesan negatif kepada dagangan dunia. Dan ianya turut memberikan kesan kepada Malaysia secara keseluruhan memandangkan kedua-dua negara tersebut iaitu China dan Amerika merupakan rakan dagang utama bagi Malaysia.
27. Walaupun Malaysia akan terkesan berikutan akan situasi *trade war* ini namun permintaan domestik terus menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan negara. Justeru itu Kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Negeri akan meneruskan usaha untuk menjana pertumbuhan domestik terutamanya dalam mempromosikan aktiviti pelaburan dan permintaan penggunaan.

28. Kesan daripada tindakan Amerika Syarikat mengenakan tarif ke atas China, pelabur-pelabur dari China beralih operasi perniagaan ke Asia Tenggara. Peralihan pelaburan ini sebenarnya akan menguntungkan ekonomi Malaysia. Saya telah menegaskan beberapa kali bahawa krisis di antara China dan Amerika Syarikat ini harus diterjemahkan menjadi satu peluang bagi Malaysia dan juga negara-negara ASEAN kerana *market* ataupun pasaran di kalangan negara-negara ASEAN ini amat besar yang telah mencatatkan lebih 650 juta rakyat di kalangan negara-negara ASEAN.
29. Justeru itu dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok pada 3 minggu yang lalu YAB Perdana Menteri telah mencadangkan supaya negara-negara ASEAN dapat melihat semula kekuatan negara masing-masing dan kita mula merancakkan *model trade investment* ini di kalangan negara-negara ASEAN kerana pasarannya sudah cukup besar untuk kita melihat potensi-potensi yang baru.
30. Jadi saya berharap sesi libat urus hari ini antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri Perak akan menjadi titik tolak kepada banyak lagi perbincangan bagi mengukuhkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan

Kerajaan Negeri bagi mencipta Kemakmuran Bersama untuk seluruh rakyat. Saya yakin usaha murni ini dapat menjamin pembangunan ekonomi negara dan Negeri Perak, secara khususnya, supaya Malaysia dapat bangkit kembali sebagai paksi ekonomi serantau.

31. Saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar Negeri Perak dan seluruh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan yang mendukung usaha ini, percayalah kerjasama yang utuh ini pastinya akan dapat menghasilkan satu natijah dan kekuatan baru di kalangan kita kerana akhirnya tanggungjawab yang harus kita pikul ini adalah untuk memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada negeri dan juga rakyat Negeri Perak.

Terima kasih.